

inSPiREd

richworks.com/inspired

BUSINESS TALK

5 CARA UNTUK
TERAPKAN
WINNING MINDSET
BAGI USAHAWAN

SOFIUDDIN MOHAMAD ISA

TIADA RAHSIA, HANYA IKUT SAJA

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

30 TAHUN BERKHIDMAT DALAM KERAJAAN, TRANSFORMASI JADI USAHAWAN

Bayangkan selama 30 tahun, Ts. Sofiuddin Mohamad Isa berkhidmat dalam kerajaan memilih untuk pencer ketika berusia 48 tahun.



Secara rasminya, pemilik syarikat Soffa Prima itu pencer pada 31 Disember 2022 untuk fokus dalam bidang perniagaan.

“Saya sebenarnya ada cita-cita nak jadi usahawan sejak dari muda lagi. Saya pernah menjalankan perniagaan kraftangan seperti pokok bonsai.

“Pada 2014 juga, saya ada buat penternakan ikan dalam sangkar secara sambilan sebelum beralih kepada menternak haiwan ruminan,” kongsinya.

Selama tiga tahun lebih, beliau mengusahakan haiwan ternakan yang mana cabarannya sangat hebat dan dalam masa sama Sofiuddin masih bekerja.

“Baru saya sedar, rupa-rupanya menjalankan penternakan memerlukan komitmen tinggi dan perlu dilakukan sepenuh masa. Bagi saya kena ada bersama ‘jiwa’ dengan haiwan penternakan

itu, setiap hari kena ada di kandang contohnya.

“Kemudian saya mengenali Haji Nordin Mat yang mengasaskan kelab GTR dan koperasi GTR. Saya menyertai beliau bagi mengikuti program-program kebajikan,” ujarnya.

Bagaimanapun, 18 Mac 2020 menyaksikan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membuatkan kelab GTR tak dapat bergerak namun koperasi GTR mula digerakkan.

“Ketika itu Haji Nordin memperkenalkan GTR meat dan memulakan GTR Burger yang sangat dikenali ramai. Syarikat itu berjaya berkembang hari ini daripada hanya beberapa gerai kepada sekitar 300 gerai di seluruh negara pada 2022.

“Saya mengambil peluang untuk mengoperasikan satu daripada 10 gerai bagi bahagian zon utara. Usaha saya bermula bersama seorang pembantu dalam menjalankan gerai burger pada 23 Oktober 2021,” kongsinya bagaimana terlibat dalam GTR Burger.

GTR

ORKS MILLIONNAIRE CIRCLE

SPIRE
RACHORO



PERJALANAN SEBAGAI PENGUSAHA BURGER JALANAN

Tidak berhenti di situ, beliau mula *upgrade* menjadi stokis bagi membantu 10 gerai di zon Utara mendapatkan bahan-bahan mentah dengan lebih cepat dan mudah.

"Gerai saya itu kemudian diserahkan kepada rakan yang mana jualan semalam boleh capai RM300 ke RM500.

"Saya kemudian fokus kepada stokis dan membuat pemasaran serta promosi bagi memperluaskan lagi peluang perniagaan GTR Burger di zon utara tanah air," jelasnya. Tambah Sofiuddin, beliau kemudian mengikuti program Bina Bisnes Berjaya pada Jun selepas diajak oleh Haji Nordin.

"Pertama kali ikuti program RichWorks bersama beberapa usahawan GTR, saya duduk dekat belakang sekali dan ikut saja.

"Pagi itu termenung, macam ini rupanya program RichWorks. Tapi buat saya *trigger* bila Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman minta peserta mula menulis," tegasnya.

Beliau sebagai tenaga pengajar sebelum ini sangat faham dengan konsep mengajar

yang tekankan pelajar untuk menulis untuk memudahkan kefahaman mereka.

Perkongsian daripada sebuah bisnes yang hanya menjual kain batik bernilai RM10 saja pun mampu bina bisnes berjaya hingga capai jualan lebih RM1 juta turut buka matanya.

Sofiuddin memberitahu, mungkin Allah yang mendorong beliau untuk hadir ke program itu bagi membuka minda dalam aspek keusahawanan.

"Ketika itu pengasas GTR ajak ke luar untuk berjumpa dengan team RichWorks bagi konsultasi perniagaan.

"Saya mendengar penerangan dan terus isi borang bagi menyertai pementoran Spire. Tak tahu berapa yurannya pun, tanpa paksaan terus tandatangan dan terus buat pembayaran," ceritanya.

Tak sangka, tindakan itu merupakan titik tolak perkembangan yang lebih cepat bila mendapatkan ilmu dan panduan bisnes yang terbukti dalam melahirkan usahawan berjaya.

RM1 JUTA PERTAMA

Tiada rahsia pun, cuma ikut saja apa yang diajar dan ditunjukkan.

“Saya follow, 100 peratus copy, tak peningkan kepala kata Haji Nordin. Saya copy dan adjust mengikut keperluan seterusnya ‘trust the process’.

“Alhamdulillah pertumbuhan berlaku bila pada Disember zon utara sudah ada 54 gerai. Saya sudah mempunyai tambahan substokis di Gurun, Kedah selain stokis di Pulau Pinang,” jelasnya.

Yang menariknya, daripada segi jualan menyaksikan gerai dan stokisnya mendapat lebih RM200,000 sampai Jun.

“Melalui model dan pembelajaran dalam Bina Bisnes Berjaya, menyaksikan kenaikan jualan hampir 70 peratus dengan mencatatkan RM1.25 juta pada 2022.

“Alhamdulillah daripada seorang saja team, kini saya sudah ada tiga orang termasuk menjaga kewangan, dua stokis dan 13 gerai yang dimiliki sendiri,” kata Sofiuddin lagi.

Menurutnya, beliau tidak pernah terfikir sebelum itu bisnes burger jalanan saja mampu capai jualan jutaan ringgit.

“Saya juga sudah membeli kedai dua tingkat di Kepala Batas, di mana bawahnya dijadikan stokis yang berpindah dari rumah dan bahagian atas pula akan dijadikan pusat latihan untuk pasukan GTR.

“Tempat ini akan menjadi kampus satelit bagi GTR Academy yang boleh mengeluarkan sijil kemahiran bagi team GTR,” ujarnya.



MANFAAT BIMBINGAN SPIRE

Dalam SPIRE, saya mendapat guru dan mentor yang terbukti menghasilkan *results*.

“Saya pernah saja ikuti kursus-kursus di luar sana, namun sangat berbeza kaedah yang dibawa dalam RichWorks dan Dr. Azizan.

“Soal perkongsian rezeki yang saya lihat antara aspek ditekankan yang sebenarnya susah orang nak faham,” jelas beliau.

Kata Sofiuddin, kunci yang juga dapat bila bimbingan RichWorks *trigger* untuk beliau zuhud dan selalu merendah diri.

“Saya takkan lepaskan peluang ikuti Weekly Focus yang dijalankan Dr. Azizan setiap

minggu bagi tambah lagi ilmu dan ketahui apa perkara-perkara penting dan semasa untuk usahawan beri perhatian,” ujarnya.

Suatu masa dulu, beliau dan orang lain mungkin gelak bila ada orang cakap nak capai RM1 juta pertama mereka. Sebabnya, nak capai RM10,000 sebulan pun susah nak capai suatu masa dulu.

“Saya teruskan saja, *adjust* apa yang perlu dan impak positif berlaku meskipun bisnes ini ada naik turunnya. InsyaAllah perancangan kami untuk mencapai RM10 juta pertama dalam tahun 2023 dengan strategi yang betul adalah tidak mustahil,” katanya lagi.







3

PESANAN



1

PERTAMA, CARILAH GURU YANG PROVEN SUCCESS.

Ada bermacam-macam guru di luar sana, namun bila kita mempunyai guru yang ada bukti melahirkan ramai usahawan berjaya buatkan kita lebih yakin.

“Jika orang lain boleh berjaya, mengapa gapa tidak kita? Apa kekurangan kita?” soalnya.

2

KEDUA, PERCAYA KEPADA PROSES.

Kedua, percaya kepada proses. Jangan mudah mengalah, percaya kepada proses dan perjalanan anda dalam membina bisnes berkenaan.

“Ikuti saja apa yang telah diberikan oleh mentor,” ujarnya.

3

KETIGA, DALAM REZEKI KITA ADA REZEKI ORANG LAIN.

Kongsikan rezeki ini walau di mana tahap kita berada kerana ada keberkatan di situ.

“Berkongsi rezeki bukan saja soal wang ringgit malah peluang pekerjaan juga sama,” jelas Sofiuddin lagi.

BUSINESS TALK

A low-angle photograph of a modern city skyline, likely taken from a street level looking up at several skyscrapers. The buildings have dark, reflective glass facades that mirror the sky and other structures. The perspective creates a sense of height and urban density. The overall color palette is dominated by blues and greys, with some warm light reflecting off the building surfaces.

5 CARA UNTUK TERAPKAN WINNING MINDSET BAGI USAHAWAN

ANDA INGIN MELAKUKAN PERUBAHAN MENGAGUMKAN DALAM HIDUP? SEBENARNYA, CARA TERBAIK UNTUK MENCipta PERUBAHAN POSITIF DALAM HIDUP ANDA SEBAGAI SEORANG USAHAWAN ADALAH DENGAN MEMPUNYAI *WINNING MINDSET*.

MATLAMAT AKAN LEBIH MUDAH DICAPAI JIKA ANDA PERCAYA PADA DIRI SENDIRI DAN MENGAKUI KEMAMPUAN YANG DIMILIKI.

ANDA AKAN MENGHADAPI CABARAN, DAN HALANGAN AKAN MUNCUL DI JALAN ANDA. KUNCI UNTUK MEMPUNYAI *WINNING MINDSET* ADALAH UNTUK MENGATASI MASALAH DAN TERUS MAJU.

BERIKUT ADALAH 5 PETUA YANG AKAN MEMBANTU ANDA MEMBANGUNKAN *WINNING MINDSET*.

1 TENTUKAN MATLAMAT ANDA

Cara terbaik untuk mencapai matlamat anda adalah dengan menentukannya. Ketahui dengan tepat tentangnya dan tarikh akhir untuk mencapai setiap satu daripadanya. Sebaik sahaja anda membuat keputusan tersebut, langkah seterusnya ialah menetapkan sasaran anda pada pencapaian pertama. Matlamat yang

ditakrifkan dengan jelas memudahkan anda melihat masa depan dan berusaha ke arah hasil tertentu.

2 KEAZAMAN

Mempunyai keazaman untuk berjaya adalah penting jika anda ingin mencipta hasil yang diinginkan. Sama ada kestabilan kewangan, matlamat kerjaya atau apa-apa pencapaian yang telah selesai, anda perlu berazam untuk memperjuangkan apa yang anda inginkan.

Mempunyai keazaman yang tinggi bermakna anda tidak akan membiarkan apa-apa menghalang anda apabila ia datang untuk mendapatkan apa yang anda inginkan. Ya, ia memerlukan kerja keras dan kemahanan yang teguh, namun segalanya berbaloi di akhirnya kerana matlamat anda boleh dicapai.

3 KEYAKINAN DIRI

Keyakinan diri boleh menjadi salah satu perkara yang paling sukar untuk dicapai. Setiap orang mempunyai masa mereka meragui dengan kemampuan diri sendiri. Kuncinya adalah bersikap objektif dan melihat dengan teliti semua faktor yang terlibat dalam sesuatu situasi.

Luangkan masa untuk menilai kembali tujuan anda dan fokus pada kekuatan

dan bakat yang ada pada diri. Anda mempunyai keupayaan untuk melakukan perkara yang hebat. Keyakinan diri adalah hadiah yang hanya anda saja boleh berikan kepada diri sendiri.

4 KETAHUI NILAI DIRI

Setiap orang mempunyai bakat dan kebolehan yang boleh mereka terokai. Luangkan masa seketika seperti beberapa minit untuk berfikir tentang kemahiran anda dan buat senarai. Sama ada anda berkemahiran tinggi atau baru belajar menguasainya, setiap satu daripadanya ternyata bernilai dan sangat berguna dalam kehidupan.

Jangan biarkan orang lain menentukan nilai anda. Walaupun kritikan membina itu kadangkala menyakitkan, anggaplah ia sebagai proses pembelajaran untuk mengembangkan dan memupuk kemahiran anda. Ketahui nilai anda dan gunakan kemahiran yang dimiliki dengan yakin.


5 AMALKAN DISIPLIN DIRI

Disiplin diri turut melibatkan cara anda memberikan reaksi apabila ada perkara yang mungkin tidak memihak kepada anda. Anda boleh memilih untuk menyerah atau memilih untuk melakukan apa yang diperlukan untuk bergerak ke hadapan.

Cabarannya boleh menjadi bahagian yang sukar dalam proses perkembangan, namun menghadapi setiap cabaran akan memberikan anda banyak pengajaran berguna.

Kekalkan langkah yang steady dan elakkan tergesa-gesa melakukan sesuatu kerana ia boleh membawa kepada kesilapan. Ambil masa anda dan fikir masak-masak terlebih dahulu sebelum membuat keputusan penting.

Jika anda ingin berjaya dalam apa jua tugas yang anda pilih untuk pikul, anda perlu mempunyai minda yang menang. Ini akan memberi anda sumber yang anda perlukan untuk memastikan mata anda tertumpu pada mencapai matlamat yang dikehendaki.



drive BISNES

bersama Radz Mohd

Chief Business Officer (CBO)
RichWorks International Sdn Bhd



RABU, 9 MALAM
PLATFORM zoom

STRATEGY

STRATEGY

Claim
hadiah
eBook



TM



NAK GROW BISNES?

binabisnesberjaya.com



PENAFIAN: Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.